

KONSEPTOLOGI DALAM TERMINOLOGI MAKYUNG

CONCEPTOLOGY IN MAKYUNG'S TERMINOLOGY

Muhammad Saiful Haq Hussein
Noorhanisah Abdul Aziz
Puteri Roslina Abdul Wahid

Abstrak

Makalah ini meneliti konsep sebagai aspek penting dalam memulakan kerja terminologi. Konseptologi merupakan cabang asas bagi Logik dan digabungkan dengan teori penamaan yang merupakan dua unsur penting Teori Umum Terminologi (TUT). Konseptologi dicirikan oleh penyelidikan tentang keadaan semula jadi, hubungan dan kedudukan konsep dalam sistem konsep. Dalam konteks tulisan ini, penulis menghuraikan klasifikasi dan sistem konsep yang mendasari kerja terminologi. Bidang yang dipilih ialah Makyung, iaitu seni persembahan drama tari yang menggunakan beberapa elemen seperti muzik, tarian, dan dialog. Penulis mendapati bahawa terdapat istilah-istilah sinonim yang membawa satu konsep yang sama. Terdapat juga istilah yang bersifat hipotetikal (umum) dan istilah yang bersifat spesifik (khusus). Berdasarkan pemetaan konsep yang telah dibina, penulis telah menganalisis hubungan konsep berdasarkan kepada tiga jenis hubungan, iaitu hubungan logik, ontologi dan campuran. Hasil dapatan pengkaji menunjukkan bahawa kesemua konsep asas ini mempunyai hubungan logik yang memperlihatkan hubungan secara menegak dan mendatar. Pendekatan berasaskan kepada teori konsep perlu digalakkan supaya kajian mengenai budaya Melayu khasnya dapat dipertingkatkan bagi mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Kata kunci: terminologi, konseptologi, istilah, konsep, sistem konsep, makyung

Abstracts

This article explores concept as an important aspect in terminology. Conceptology is a branch of Logic, combined with the naming theory

making up two important elements of the General Theory of Terminology (TUT). Conceptology is characterized by research on the nature of concept and concepts relationship in terminology. Within the context of this paper, the authors describe a classification system and the underlying concepts of terminology work in “makyung”, a performing arts dance drama that employs some elements such as music, dance, and dialogue. The authors found that there are synonymous terms that bring a similar concept. There are also terms that are hypothetical (general) and specific. Based on the concept mapping constructed, the authors have analyzed the relationship concept, namely the relationship of logic, ontology and combination of both. The findings suggest that all of these basic concepts have logical relationships that show vertical and horizontal relations. The approach is based on the theoretical concept which should be encouraged to study the terminology of Malay cultures and thus enhanced Malay as the language of science.

Keywords: *terminology, conceptology, concepts, concept systems, makyung*

Pendahuluan

Konsep merupakan salah satu aspek penting dalam memulakan kerja terminologi. Konsep wujud sebelum istilah dibentuk. Konsep bersifat abstrak dan tidak disampaikan secara terus. Istilah mengabadikan makna khususnya dalam konteks khusus, yakni makna yang dimiliki oleh istilah dalam sistem konsep tertentu. Oleh itu, istilah diperlukan sebagai perantara komunikasi untuk menggambarkan sesuatu konsep. Selain konsep, simbol dan objek juga merupakan unsur lain yang saling melengkapi dan mempunyai pertalian yang cukup erat. Pertalian antara ketiga-tiga unsur ini dikatakan sering menjadi masalah asas dalam menyediakan terminologi bidang khusus.

Kajian ilmu tentang konsep ini dinamakan konseptologi. Konseptologi merupakan cabang asas bagi Logik, bergabung dengan teori penamaan yang merupakan dua unsur penting Teori Umum Terminologi (TUT). Konseptologi dalam terminologi berbeza dengan konseptologi dalam ilmu falsafah kerana bidang falsafah menekankan daya pemikiran yang lebih tinggi, manakala dalam terminologi hanya perkara asas klasifikasi sahaja yang diberikan tumpuan. Konseptologi didasarkan kepada konsep yang wujud bebas sebagai istilah (Sulaiman

Masri 1986: 328). Konseptologi dicirikan oleh penyelidikan tentang keadaan semula jadi konsep, hubungannya dan kedudukannya dalam sistem konsep. Konseptologi membolehkan pengungkapan ilmu pengetahuan yang didasarkan kepada konsep sesuatu bidang. Konseptologi yang berasaskan konsep, wujud secara bebas daripada istilah (Felber, 1995: 86). Satu istilah dipadankan dengan sengaja kepada satu konsep selepas pertimbangan yang wajar, sama ada istilah itu sepadan atau tidak dengan konsep tersebut. Pemadanan ini mendahului simbol linguistik yang akan dipadankan. Simbol ini boleh jadi istilah yang sudah ada ataupun satu istilah yang akan dicipta daripada unsur utama konsep tersebut. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa konsep memainkan peranan yang penting dalam terminologi. Dalam makalah ini penulis akan membincangkan persoalan konseptologi dalam terminologi Makyung.

Latar Belakang Makyung

Makyung merupakan seni persembahan drama tari yang menggunakan beberapa elemen seperti muzik, tarian, dan dialog. Makyung dipersembahkan sebagai hiburan dan juga sebagai upacara perubatan. Drama tari Makyung berasal dari Pattani dan kemudiannya dibawa masuk ke Kelantan lebih kurang 200 tahun dahulu. Makyung pada asalnya merupakan drama tari persembahan istana. Namun begitu, selepas kemangkatan Sultan Mohamed IV, persembahan istana telah menjadi seni persembahan yang ditontonkan kepada rakyat.

Persembahan makyung pada zaman dahulu diadakan selepas menuai padi sebagai tanda kesyukuran. Makyung juga dipersembahkan semasa majlis perkahwinan, puja umur sultan, dan hari kebebasan negeri. Persembahan Makyung biasanya membawa cerita-cerita dongeng yang mengisahkan pengembaraan raja yang mempunyai kuasa sakti, gagah, dan berwajah tampan, misalnya Cerita Dewa Muda, Anak Raja Gondang, Bongsu Sakti, Raja Tangkai Hati, dan Dewa Sakti. Persembahan Makyung biasanya dibuka dengan lagu "Mengadap Rebab" diikuti dengan tarian, lakonan dan muzik. Dalam persembahan tradisi di kampung, persembahan ini dilakukan di panggung terbuka yang berlatarkan daun kelapa. Penonton akan duduk di tiga sisi panggung, sisi yang keempat dikhaskan bagi orkestra yang terdiri daripada pemain rebab, gendang kepala dua dan tetawak. Kebanyakan peranan dilakukan oleh wanita dan ceritanya berasaskan cerita rakyat tradisi dengan watak raja, dewa dan pelawak. Makyung dikaitkan

dengan upacara pawang cuba menyembuhkan pesakit yang dirasuk melalui nyanyian, tarian bersawai dan menurun.

Pada akhir 1960-an, sudah tidak banyak lagi kumpulan makyung yang wujud disebabkan tidak banyak orang yang berminat mempelajari seni persembahan ini. Kemasukan pengaruh kebudayaan barat telah menambah lagi kemerosotan seni persembahan makyung. Kini, seni persembahan makyung telah dikomersialkan dan telah mengalami beberapa perubahan seperti cara berpakaian dan gaya persembahannya. Perubahan ini telah memperlihatkan status baharu makyung sebagai warisan budaya tradisional Malaysia. Kini, seni persembahan makyung telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan kesenian Malaysia pada 25 November 2005.

Makyung merupakan seni persembahan drama tari yang menggunakan beberapa elemen seperti muzik, tarian, dialog dan nyanyian. Banyak kajian mengenai seni persembahan Makyung telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji. Kajian seni persembahan makyung yang dilakukan adalah dari aspek seperti estetika, koreografi, struktur persembahan dan sebagainya. Ghulam-Sarwar Yousof (1976) dalam kajiannya yang bertajuk *The Kelantan Makyung Dance Theatre: A study of performance structure* telah melakukan kajian mengenai struktur persembahan Makyung. Dalam kajian ini, beliau telah membuat perbandingan struktur persembahan antara persembahan makyung yang berbentuk hiburan dengan persembahan Makyung yang bersifat spiritual bagi tujuan perubatan. Antara aspek yang diberi penekanan dalam kajian tersebut ialah upacara persiapan pentas, upacara buka panggung dan tutup panggung, dan sebagainya. Beliau juga turut melihat elemen-elemen seperti tarian, susunan pentas, muzik, bahasa, watak dan peranan watak serta plot cerita dalam persembahan makyung.

Habsah Mohd Noordin (1999) dalam kajiannya *Makyung Kelantan: Satu Kajian Estetika Seni* telah melihat seni persembahan makyung sebagai sebuah teater tradisional yang mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan makyung disifatkan sebagai seni persembahan yang luar biasa kerana mempunyai nilai estetika seni yang unik sehingga menimbulkan pelbagai keindahan yang lain. Kajian ini dilakukan untuk memberi pendedahan dan pendidikan awal berhubung dengan nilai-nilai estetika dalam persembahan makyung Kelantan. Beliau menggunakan pendekatan teori estetika seni bagi memperlihatkan unsur-unsur keindahan dalam persembahan tersebut.

Beliau telah merumuskan kajiannya bahawa nilai-nilai estetika sesebuah persembahan makyung dapat ditonjolkan melalui gabungan elemen-elemen seperti struktur persembahan, watak, muzik, lagu, ruang, gerak, gaya pengucapan, bahasa, pakaian, dan perhiasan.

Rosdeen Suboh (2005) dalam kajiannya *Peran Makyung: Pelakon dan Watak* telah melakukan kajian terhadap watak dalam seni persembahan makyung. Dalam kajian ini penulis memberi tumpuan secara terperinci dalam aspek seperti asal usul, fungsi watak, dan keperluan-keperluan pelakon terhadap persembahan. Menurut penulis, peran makyung merupakan ahli lawak yang penting dalam persembahannya. Sifat humor peran makyung meliputi elemen persembahan seperti lakonan, busana, solekan, dan prop. Penulis cuba membuktikan kepentingan peran makyung dengan menyentuh aspek kreativiti dan watak. Penulis juga membuat perbandingan fungsi peran dalam dua persembahan makyung, iaitu bentuk makyung biasa dan Main Puteri Makyung. Beliau juga mendapati bahawa peran mempunyai pelbagai fungsi, iaitu sebagai pengasuh, hamba atau pesuruh raja yang sering memperkenalkan diri sebagai 'budak raja' atau 'orang suruhan raja'. Dari aspek busana pula, berlaku perubahan melalui proses kreativiti pelakon. Busana peran terdiri daripada baju pagoda, kain pekat, samping, baju potong siam, seluar longgar, dan kain batik lepas. Namun begitu, busana peran ini boleh diubah mengikut kreativiti pelakon yang memainkan watak tersebut. Peran juga mempunyai prop tangan, iaitu golok yang diperbuat daripada kayu atau papan yang berfungsi sama seperti parang biasa.

Mohd Effindi Samsuddin (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *Teater Melayu Makyung: Kajian Kreativiti Koreografi* telah menjalankan kajian mengenai kreativiti koreografi dalam seni persembahan makyung. Beliau juga telah membuat perbandingan antara seni persembahan makyung dengan seni persembahan Mek Mulung. Menurut beliau, makyung dan Mek Mulung telah memperlihatkan corak penggubahan dalam koreografi yang memperlihatkan nilai-nilai perlambangan masyarakat Melayu. Namun begitu, hanya persembahan Makyung sahaja yang dilihat mempunyai corak penggubahan yang lebih menyeluruh.

Kesimpulannya, kajian mengenai makyung telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu dan terkini. Namun begitu, kajian tentang terminologi dalam seni persembahan masih kurang dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Kajian mengenai terminologi dalam

bidang ini penting bagi mengetahui asal usul kata yang digunakan dalam seni persembahan ini.

Fokus Perbincangan

Pembentukan istilah di Malaysia lebih banyak menggunakan kata pinjaman dari dunia barat. Kemajuan teknologi terkini menyebabkan kecenderungan untuk memilih perkataan dari Barat dalam penggubalan istilah. Oleh itu, usaha-usaha ke arah menghasilkan istilah bahasa Melayu perlu dilakukan bagi menambahkan perbendaharaan kata yang sedia ada dalam dunia Melayu. Banyak kata daripada bahasa serumpun dan dialek dapat diterapkan dalam istilah bahasa Melayu yang dapat mendukung konsep seni persembahan Melayu. Melalui pendekatan pembentukan istilah berasaskan kepada konsep dan sistem konsep, penerapan kata daripada bahasa serumpun dan dialek dalam istilah bahasa Melayu akan menjadi lebih jelas dan tersusun.

Makalah ini akan menumpukan perbincangan kepada pembinaan peta konsep dalam seni persembahan makyung dan meneliti hubungan konsep yang ada. Data yang digunakan dalam makalah ini terdiri daripada kumpulan istilah seni persembahan makyung. Sebanyak 145 istilah telah dikumpul melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Penulisan ini dibataskan kepada seni persembahan makyung di Malaysia, iaitu makyung Kelantan. Skop penulisan adalah penelitian terminologi makyung yang dilihat dari aspek konseptologi. Konsep asas yang diteliti meliputi konsep watak, busana, proses, alat, lagu, dan tarian dalam persembahan ini. Hubungan konsep yang akan diuraikan dihadkan kepada tiga jenis hubungan, iaitu logik, ontologi, dan campuran.

Kajian tentang konseptologi dalam terminologi makyung sangat penting dilakukan supaya istilah yang sesuai dan tepat dapat dicipta dalam bidang makyung. Penulisan ini diharapkan dapat memberikan gambaran bahawa kata Melayu dapat dijadikan sebagai istilah khusus dalam sesuatu bidang dan memperkaya khazanah kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, penyerapan bahasa asing dapat dikurangkan dan seterusnya mengangkat bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa sebagai bahasa ilmu.

Konsep dalam Terminologi

Cabre (1999) mengatakan bahawa konsep merupakan unsur pemikiran dan konstruksi mental yang mewakili kelas objek. Konsep mengandungi siri ciri yang dikongsi kelas individu. Ciri ini juga merupakan konsep yang membolehkan komunikasi berlangsung dan menstruktur pemikiran. Antia (2000) pula menerima konsep sebagai unit pemikiran, pengetahuan atau kognisi yang bersifat bebas walaupun bergantung dengan bahasa. Konsep juga ialah representasi mental, reduksi atau interpretasi dunia realiti yang boleh ditanggap dan seolah-olah tidak wujud sebelumnya. Beliau juga menegaskan bahawa konsep boleh wujud tanpa simbol, tetapi konsep memerlukan simbol bagi tujuan komunikasi.

Menurut Sulaiman Masri (1992: 208), sebarang kerja terminologi mestilah berdasarkan konsep yang merujuk objek dalaman dan luaran. Objek boleh berbentuk konkrit seperti rumah atau abstrak seperti “kesakitan” yang dirasa yang memerlukan lambang linguistik/istilah untuk penyampaiannya. Berdasarkan takrif konsep, dapat disimpulkan bahawa konsep merujuk kepada sifat benda dan peristiwa yang tergambar dalam mental. Mental akan mengkonseptualisasi objek membentuk konsep dan dilahirkan dalam bentuk lambang linguistik atau istilah untuk proses komunikasi dan penyampaian ilmu.

Piawaian antarabangsa, iaitu *ISO 704 (1978)* mentakrifkan konsep sebagai binaan mental untuk mengelaskan objek dunia zahir dan dunia batin yang dilakukan secara peniskalaan bebas, manakala *ISO 1087 (1990)* pula mentakrifkan konsep sebagai unit pemikiran yang terbina melalui pengabstrakan berdasarkan ciri-ciri yang sama yang dimiliki oleh himpunan objek. *British Standard Recommendation for the selection, formation and definition of technical terms, BS.3669:1963*) melihat konsep sebagai binaan mental, pemujaradan yang boleh digunakan dalam pengelasan objek tunggal dunia dalam dan dunia luar.

Konsep mempunyai sistem, iaitu sistem konsep dikenali sebagai pengelasan konsep. Sistem konsep dibina berdasarkan pemilihan ciri yang merupakan unsur konsep. Ciri menentukan kedudukan konsep dalam sistem konsep. Sistem ini mengandungi siri konsep horizontal (mendatar) dan vertikal (menegak) atau salah satu daripada siri tersebut. Arntz & Picht (1989) menyatakan bahawa

hubungan antara konsep dalam lingkungan subjek khusus bergantung kepada representasi dalam bentuk sistem konsep. ISO/R 1087 pula menyatakan bahawa sistem konsep merupakan satu kumpulan konsep yang dihubungkan dengan hubungan logikal atau ontologikal. Sistem yang sedemikian mengandungi siri tersebut. DIN 2331 mentakrifkan bahawa sistem konsep ialah satu set konsep dalam kalangan kumpulan konsep yang telah sedia ada atau wujud, dan ini mewakili keseluruhan satu koheren. ISO/CD 704.2 pula menyatakan bahawa sistem konsep ditakrifkan sebagai set konsep yang strukturnya menggambarkan asas hubungan dalam kalangan konsep yang terlibat dan memperlihatkan kedudukan unik setiap konsep dalam sistem tersebut.

Konsep bagi sesuatu bidang itu kebiasaannya tidak terikat kepada satu hubungan semata-mata tetapi juga digabungkan untuk menghasilkan sistem campuran. Dengan kaedah ini, kefleksibelan sistem ini akan dipertingkatkan, dan lebih banyak konsep daripada pelbagai jenis boleh disepadukan dalam sistem yang sama.

Model Teori

Tulisan ini berasaskan kepada Teori Umum Terminologi (TUT) yang diperkenalkan oleh Eugen Wuster. Beliau merupakan pengasas sekolah terminologi Vienna di Austria yang merupakan tempat tertubuhnya Pusat Maklumat Terminologi Antarabangsa (INFOTERM) pada tahun 1971. TUT merupakan disiplin saintifik yang menggariskan ciri-ciri dan cara pembentukan istilah. Malah, TUT juga menyediakan asas saintifik bagi kerja terminologi, misalnya penerapan prinsip dan kaedah terminologi yang membolehkan badan antarabangsa menyatukan kerja terminologi dengan berkesan. Teori ini tercetus daripada kajian Eugen Wuster tentang sistem penamaan yang diterbitkan dalam tesisnya yang berjudul "*Internationale Sprachnormung in der Technik, besonder in der Elechtrohnik*" (*International Standardization of Language in Engineering*). Beliau menerapkan teori ini dalam penyusunan sebuah kamus istilah Perancis-Inggeris pada tahun 1968, iaitu "*The Machine Tool: An Interlingual Dictionary of Basic Concepts*". Kamus ini telah disusun secara sistematik berasaskan teori tersebut sebagai model bagi kamus teknikal pada masa hadapan.

Pegangan Wuster menjadi dominan dalam dunia terminologi kerana tidak terdapat sebarang teori yang dikemukakan dalam proses pembentukan istilah. TUT menjadi disiplin saintifik yang

dikembangkan bagi tujuan praktis. Wuster yang berlatarbelakangkan sains dan linguistik telah menggabungkan kedua-dua aspek tersebut untuk membina teori atau panduan berkenaan (Picht & Draskau 1985: 28). Panduan ini telah diwujudkan oleh Wuster berdasarkan kepada beberapa tujuan dalam kerja-kerja terminologi. Pertama, untuk menghindarkan ketaksaan dalam bahasa teknikal melalui penstandardan terminologi dalam usaha menjadikannya sebagai alat komunikasi. Kedua, untuk meyakinkan pengguna bahasa teknikal tentang manfaat penstandardan terminologi. Ketiga, untuk mengukuhkan terminologi sebagai disiplin sains.

Teori ini dipilih sebagai teori kajian kerana teori ini berorientasikan bidang sesuatu subjek. Teori ini bertujuan memberi panduan tentang pelaksanaan kerja terminologi secara berkesan. Picht dan Draskau (1985: 30) menggariskan tiga prinsip asas yang menjadi pegangan teori ini, iaitu:

1. Menggunakan maklumat dan dokumentasi bidang tertentu. Struktur khusus sesuatu bidang seperti penamaan, digunakan dan digabungkan dengan pedoman bahasa dalam membina panduan terminologi untuk bidang berkenaan.
2. Mengutamakan pemiawaian konsep dan istilah. Langkah ini perlu dilakukan demi menjamin berlakunya komunikasi yang lancar dan berkesan.
3. Setiap bidang akan sentiasa bertambah dan berkembang. Hal ini akan menimbulkan kaedah khusus bukan sahaja dalam bidang berkenaan tetapi juga dari aspek bahasa dalam mengungkapkan sesuatu konsep dalam bidang baharu.

Bertepatan dengan bidang terminologi sebagai satu disiplin saintifik, TUT menyediakan asas yang saintifik bagi kerja terminologi (Sulaiman Masri, 1992: 86). TUT mengandungi tiga ciri khusus, iaitu:


1. Sebarang kerja terminologi bermula dengan konsep. Tujuannya adalah untuk membataskan konsep itu sendiri. Pakar terminologi berbicara tentang konsep sebaliknya pakar linguistik berbicara tentang makna perkataan. Dalam terminologi, satu unit penamaan mengandungi satu istilah yang menerangkan satu konsep. Konsep ialah makna istilah.
2. Pakar terminologi hanya mengutamakan konsep istilah, bukan peraturan infleksi dan sintaksis. Peraturan tatabahasa boleh diambil daripada bahasa umum.

3. Hubungan bahasa dan terminologi berlaku secara serentak. Hal ini bermaksud, makna semasa amat penting bagi terminologi, manakala bagi istilah pula, sistem konsep merupakan perkara yang diambil kira dalam apa-apa bahasa pun.

Konsep berkait rapat dengan ciri kerana ciri memperjelas objek untuk membentuk konsep. Ciri itu sendiri juga merupakan konsep. Suatu objek mempunyai kelompok ciri yang membentuk konsep dinamakan sebagai intensi. Intensi merupakan kelompok ciri utama superordinat bagi objek, misalnya intensi bagi “kereta api” mengandungi ciri-ciri kenderaan darat, menggunakan landasan, mempunyai tayar, panjang dan sebagainya. Kelompok semua objek yang mempunyai semua ciri konsep dinamakan sebagai ekstensi. Kelompok semua objek merupakan konsep ciri bawahan atau subordinat (spesies) bagi sesuatu konsep. Kelompok semua konsep ciri bawahan mempunyai semua ciri yang dimiliki oleh suatu konsep, misalnya ekstensi bagi “kenderaan darat” ialah kereta, bas, lori, dan sebagainya. Ciri digunakan untuk perbandingan konsep, pengelasan konsep, perumusan takrif konsep, dan pembentukan istilah yang dipadankan dengan konsep (Felber, 1984).

Ciri memainkan peranan utama dalam pembinaan peta konsep. Dalam sistem konsep, ciri berperanan sebagai ciri pengelasan konsep. Sistem konsep bergantung kepada jenis pemilihan ciri kerana jenis ciri menentukan kedudukan setiap konsep. Ciri terbahagi kepada dua, iaitu ciri intrinsik dan ciri ekstrinsik. Ciri intrinsik ialah ciri yang berhubung dengan bentuk, saiz, kandungan, warna, dan sebagainya. Ciri intrinsik merupakan ciri yang dimiliki oleh objek tanpa mengira hubungan dengan objek lain, misalnya, bulat (bentuk), getah (bahan) dan merah (warna). Ciri ekstrinsik pula dibahagikan kepada tujuan dan asal-usul. Ciri yang berdasarkan tujuan dilihat dari segi ciri kegunaan, fungsi, cakupan, keletakan dan peringkat dalam sesuatu konsep. Ciri berdasarkan asal-usul dilihat dari segi kaedah pembentukan, penemuan, pemerian, penghasil, tempat asal atau pembekal. Dalam pembinaan sistem konsep, pemilihan ciri intrinsik diberi keutamaan, diikuti oleh ciri tujuan dan ciri asal usul. Bagi tujuan penulisan ini, penulis telah memilih teori Wuster (1971) untuk membincangkan konseptologi dalam seni persembahan Makyung. Model teori kajian tersebut dapat dilihat melalui Rajah 1.1 di bawah:

Rajah 1.1 : Model Teori Konseptologi Dalam Terminologi




Pengumpulan Data

Penulis menggunakan dua kaedah bagi pengumpulan data, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Pada peringkat awal kajian, penulis membuat sorotan literatur kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara mengenai bidang terminologi. Penulis juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengenal pasti istilah-istilah dalam seni persembahan Makyung dengan meneliti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain tentang seni persembahan ini. Bahan-bahan dokumentasi berhubung dengan seni persembahan Makyung yang digunakan oleh pengkaji sebagai sumber data sekunder adalah seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja, penulisan tesis dan laman sesawang. Kajian lapangan pula dengan menemu bual beberapa orang informan yang terlibat dengan seni persembahan Makyung. Kajian lapangan dibuat bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan data-data primer daripada tokoh-tokoh yang lebih arif mengenai seni persembahan Makyung. Selain itu, tujuan kajian lapangan dibuat membolehkan pengkaji mendapatkan pengesahan tentang istilah-istilah Makyung yang dikumpul daripada sumber sekunder. Tokoh-tokoh tersebut ialah pegawai Istana Budaya, Encik Rahimidin Zahari, dan dua orang tenaga pengajar di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), iaitu Puan Fatimah dan Encik Che Mohd Nasir bin Yusoff.


Klasifikasi Konsep Makyung

Penulis telah menganalisis konsep-konsep yang terdapat dalam seni persembahan Makyung. Analisis dibuat berdasarkan 145 istilah yang telah dikumpul melalui sumber primer dan sekunder. Secara umumnya, konsep asas dalam seni persembahan Makyung terdiri daripada watak, busana, proses, alat, lagu dan gerakan asas. Peta konsep dibina berdasarkan konsep-konsep tersebut bagi memudahkan proses analisis hubungan konsep dalam sistem konsep. Hal ini dapat dijelaskan seperti Rajah 1.2




Setiap konsep asas dalam seni persembahan Makyung dibina sistem konsepnya yang tersendiri. Berdasarkan sistem konsep yang telah dibina, pengkaji akan meneliti hubungan konsep dalam seni persembahan Makyung berdasarkan tiga jenis hubungan konsep. Pertama, hubungan logik yang dibahagikan kepada empat jenis hubungan, iaitu hubungan logik subordinat, hubungan logik persilangan, hubungan logik koordinat, dan hubungan logik diagonal. Kedua, hubungan ontologi yang dibahagikan kepada empat jenis hubungan, iaitu hubungan partitif subordinat, hubungan partitif persilangan, hubungan partitif koordinat, dan hubungan partitif diagonal. Ketiga, hubungan campuran. Seterusnya, takrif istilah dibina dan dianalisis berdasarkan peta konsep yang telah dibina. Klasifikasi seterusnya adalah seperti yang tersenarai di bawah:


Rajah 1.3 : Pemetaan Konsep Watak




Rajah 1.4 : Pemetaan Konsep Busana




Rajah 1.5 : Pemetaan Konsep Proses




Rajah 1.6 : Pemetaan Konsep Alat



Rajah 1.7 : Pemetaan Konsep Lagu



Rajah 1.8 : Pemetaan Konsep Tarian



Sistem Konsep dalam Terminologi Makyung

Pemetaan konsep seni persembahan Makyung berdasarkan kepada enam konsep asas, iaitu watak, busana, proses, alat, lagu, dan tarian. Huraian mengenai hubungan konsep juga telah dilakukan dengan penelitian terhadap tiga jenis hubungan, iaitu logik, ontologi, dan campuran. Perbincangan berikut merupakan aspek asas sahaja dalam sistem konsep.


Hubungan Logik

Hubungan logik ialah hubungan yang berdasarkan kesamaan intensi konsep atau hubungan keserupaan. Hubungan ini juga dikenali sebagai hubungan generik. Perbandingan antara dua konsep yang mempunyai keserupaan intensi yang tertentu akan menghasilkan hubungan logik seperti berikut:

a) Hubungan Logik Subordinat

Hubungan logik subordinat menunjukkan hubungan antara konsep genus dan konsep spesies. Konsep yang mempunyai semua ciri daripada konsep yang lain dan mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri tambahan dikatakan sebagai spesies kepada konsep yang satu lagi, iaitu genusnya. Berdasarkan pemetaan konsep pada Rajah 1.9, hubungan yang terbentuk ialah hubungan genus-spesies. Hubungan ini berbentuk hierarki. Dalam hubungan hierarki, konsep watak disusun kepada aras konsep superordinat yang dibahagikan kepada dua konsep subordinat, iaitu konsep utama dan konsep sampingan. Konsep utama dan konsep sampingan merupakan konsep hipotetikal yang diwujudkan berdasarkan ciri umum sesuatu konsep tersebut. Hal ini dapat dijelaskan melalui peta konsep pada yang berikut:

Rajah 1.9 : Sistem Konsep : Hubungan Logik Subordinat dan Koordinat



b) Hubungan Logik Koordinat

Berdasarkan peta konsep pada Rajah 1.9, terdapat dua hubungan logik yang dapat dihasilkan, iaitu hubungan logik subordinat dan hubungan logik koordinat. Watak mempunyai hubungan logik subordinat dengan konsep utama. Watak merupakan konsep superordinat, manakala konsep utama merupakan subordinat bagi watak. Namun begitu, konsep utama juga boleh memperlihatkan kedudukan sebagai superordinat yang menunjukkan hubungan logik subordinat dengan konsep subordinat/species, iaitu watak *pak yong*, *pak yong muda*, *Makyung*, *puteri Makyung* dan *peran*. Hubungan ini menggabungkan unsur umum (*utama*) dan unsur spesifik (*pak yong*).

Hubungan logik subordinat berlaku berdasarkan ciri intensi dan ekstensi yang terdapat dalam konsep watak tersebut. Watak *pak yong*, *pak yong muda*, *Makyung*, *puteri Makyung*, dan *peran* mempunyai kesemua ciri yang dimiliki oleh genus, iaitu watak

utama dalam seni persembahan Makyung. Pada aras yang sama, konsep subordinat dalam kumpulan watak utama, iaitu *pak yong*, *pak yong muda*, *Makyung*, *puteri Makyung*, dan *peran* memperlihatkan kedudukan secara mendatar. Hubungan konsep ini dikenali sebagai hubungan logik koordinat. Setiap konsep subordinat pada aras yang sama mempunyai kesemua ciri konsep superordinat dan mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri tambahan, misalnya watak *pak yong* dan *pak yong muda* mempunyai ciri yang sama, iaitu sebagai watak utama dalam seni persembahan Makyung. Namun begitu, terdapat ciri tambahan yang membezakan kedua-dua watak tersebut, iaitu *pak yong* mempunyai ciri sebagai raja atau pemerintah dalam persembahan Makyung, manakala *pak yong muda* pula mempunyai ciri sebagai hero dalam persembahan tersebut.


Hubungan Ontologi

Hubungan ontologi merupakan hubungan yang tidak langsung antara konsep. Hubungan ini wujud antara individu yang tergolong dalam konsep tersebut. Hubungan ini dicirikan oleh hubungan ruang dalam ruang, masa, waktu atau sebab dan akibat. Jenis hubungan ontologi yang utama ialah hubungan partitif, iaitu hubungan antara keseluruhan konsep atau bahagian konsep. Sekiranya objek individu mempunyai bahagian yang sama seperti objek lain, dengan tambahan sekurang-kurangnya satu bahagian yang lain, maka objek yang pertama itu menjadi satu keseluruhan, manakala objek yang satu lagi menjadi bahagiannya. Hubungan ini dinamakan subordinat (seluruh bahagian). Objek yang menjadi tambahan bahagian ini adalah sebagai keseluruhan kepada objek yang satu lagi, dan dinamakan sebagai konsep seluruh. Konsep bagi satu bahagian pula dinamakan konsep partitif.

Superordinat partitif: seluruh


Subordinat partitif: bahagian

Rajah 2.0 : Sistem Konsep : Hubungan Ontologi (Partitif Subordinat)



Rajah 2.0 menunjukkan hubungan ontologi partitif subordinat. *Kesi* merupakan konsep komprehensif yang mewakili keseluruhan. *Kesi* mempunyai hubungan partitif subordinat dengan *tapak*, *piring*, *kicah*, *hulu* dan *tali*. *Kesi* merupakan konsep superordinat yang mewakili keseluruhan bagi alat *kesi*, manakala konsep partitif, iaitu *tapak*, *piring*, *kicah*, *hulu* dan *tali* merupakan bahagian yang membentuk keseluruhan alat *kesi*. Hal ini dapat dilihat berdasarkan ciri yang terdapat pada *kesi*, iaitu alat yang mempunyai lima bahagian iaitu *tapak*, *piring*, *kicah*, *hulu* dan *tali*. Hubungan ini juga memperlihatkan hubungan menegak.

Rajah 2.1 : Sistem Konsep : Hubungan Ontologi (Partitif Koordinat)




tapak		piring	—
piring		kicah	—

Rajah 2.1 menunjukkan hubungan partitif koordinat. *Kesi* merupakan konsep seluruh bagi bahagian *tapak*, *piring*, *kicah*, *hulu*, dan *tali*. *Tapak* berkoordinat dengan *piring*, *kicah*, *hulu*, dan *tali* kerana merupakan konsep partitif subordinat pada aras yang sama. *Tapak*, *piring*, *kicah*, *hulu*, dan *tali* merupakan konsep bahagian, iaitu bahagian-bahagian yang membentuk keseluruhan *kesi*. *Tapak* bahagian *kesi* yang berbentuk segi empat tepat dan diperbuat daripada kayu. *Piring* pula ialah bahagian *kesi* yang terdiri daripada dua keping loyang yang diperbuat daripada besi nipis dan dipasang pada bahagian tapak. *Kicah* ialah bahagian *kesi* yang terdiri daripada dua keping loyang yang diperbuat daripada besi nipis. *Hulu* ialah bahagian *kesi* yang berbentuk lubang di sebelah atas kicah. *Tali* ialah komponen yang diikat pada bahagian *hulu kesi* yang digunakan untuk memegang *kicah*.

Hubungan Campuran

Rajah 2.2 : Sistem Konsep : Hubungan Campuran (Logik + Ontologi)



Rajah 1.10 menunjukkan gabungan hubungan konsep logik dan ontologi. Hubungan sistem konsep ini menunjukkan hubungan campuran. Hubungan logik wujud apabila konsep alat muzik dihubungkan kepada spesies *kordofon*, *idiofon*, dan *erofon*. *Serunai* pula menunjukkan hubungan ontologi. *Serunai* merupakan keseluruhan bagi bahagian-bahagiannya yang terdiri daripada *pipit*, *batang*, *pin*, *copong* dan *mali*. *Pipit*, *batang*, *pin*, *copong* dan *mali* menunjukkan hubungan partitif, iaitu bahagian-bahagian daripada *serunai*. Gabungan bagi hubungan logik dan ontologi dalam peta konsep tersebut menghasilkan hubungan campuran.

Huraian di atas telah memaparkan pemetaan konsep seni persembahan Makyung berdasarkan kepada enam konsep asas, iaitu watak, busana, proses, alat, lagu, dan tarian. Huraian mengenai hubungan konsep juga telah dilakukan dengan penelitian terhadap tiga jenis hubungan, iaitu logik, ontologi, dan campuran. Sistem konsep yang dibina adalah berdasarkan aspek asas dalam membicarakan konsep dan sistem konsep dalam terminologi. Aspek ini amat diperlukan dalam memperincikan ciri-ciri lambang tersebut bagi proses mentakrif istilah tersebut agar dapat distandardkan untuk penggunaan umum.

Perbincangan

Secara keseluruhan, penulis telah berjaya mengumpul sebanyak 145 istilah dalam seni persembahan Makyung. Istilah-istilah yang dikumpul terdiri daripada kata dalam bahasa Melayu standard dan dialek Kelantan. Penulis telah mengkategorikan istilah-istilah tersebut kepada enam kategori yang menjadi konsep asas dalam kajian ini, iaitu watak, busana, proses, alat, lagu, dan tarian. Penulis juga mendapati bahawa terdapat istilah-istilah yang bersinonim yang membawa satu konsep yang sama. Terdapat juga istilah yang bersifat hipotetikal (umum) dan istilah yang bersifat spesifik (khusus). Berdasarkan pemetaan konsep yang telah dibina, penulis telah menganalisis hubungan konsep berdasarkan kepada tiga jenis hubungan, iaitu hubungan logik, hubungan ontologi dan hubungan campuran. Hasil dapatan penulis menunjukkan bahawa konsep-konsep asas ini mempunyai hubungan logik yang memperlihatkan hubungan secara menegak dan mendatar.

Namun begitu, tidak semua konsep tersebut memperlihatkan hubungan ontologi dan campuran kecuali konsep alat. Konsep alat memperlihatkan wujudnya hubungan logik, ontologi, dan campuran. Hal ini kerana alat yang digunakan dalam seni persembahan Makyung mempunyai bahagian-bahagian yang membentuk keseluruhan suatu alat, misalnya alat muzik rebab terdiri daripada beberapa bahagian seperti kepala rebab, batang rebab, muka rebab, pemulas, tumit rebab, dan penggesek.

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dilakukan memperlihatkan bahawa konseptologi dalam peristilahan seni persembahan Makyung berupaya menambahkan perbendaharaan kata daripada bahasa Melayu atau dialek. Oleh itu, sewajarnya kajian mengenai terminologi khususnya terminologi dalam bidang seni budaya Melayu dipergiatkan untuk memperkayakan khazanah kosa kata bahasa Melayu serta mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang dapat mengunggulkan pelbagai bidang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terminologi bahasa Melayu bermula dengan penentuan konsep dan bidang, diikuti dengan huraian hubungan konsep dan pemilihan lambang linguistik atau istilah yang sesuai. Pendekatan berasaskan kepada teori konsep perlu digalakkan supaya kajian mengenai budaya Melayu khasnya dapat diperbanyakkan serta dipertingkatkan. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu apabila kosa kata yang sedia ada dapat diperluaskan bagi mendukung konsep baharu. Pendekatan ini juga memperlihatkan kemampuan bahasa Melayu mengungkapkan konsep pemikiran pada aras tinggi yang mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa bidang ilmu yang penting.

Nota : Penyelidikan yang dijalankan bagi menghasilkan tulisan ini adalah berdasarkan peruntukan UMRG RG396-12HNE.

Bibliografi

- Antia, B.E. 2000. *Terminology and language planning : An alternative framework of practice and discourse*. Amsterdam/Philadelphia : John Benjamins Publishing Co.
- Arntz, Reiner & Heribert Picht. 1989 . *Einführung in die Terminologearbeit*. Georg Olms Verlag, Hildesheim, Zürich, New York.
- Cabré, M.T. 1999. *Terminology and language planning: An alternative framework of discourse and practice*. Amsterdam/Philadelphia : John Benjamins Publishing Co.
- Felber, H. 1984. *Terminology manual; First edition*. Vienna : International Information Centre for Terminology.
- Ghulam Sarwar Yousof. 1976. *The Kelantan Makyung dance theatre : A study of performance structure*. University of Hawaii.
- Habshah Mohd Noordin. 1999. *Makyung Kelantan: Satu kajian estetika Seni. Latihan Ilmiah Sarjana Muda kesenian*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Melayu.
- ISO 1087-1:2000 *Terminology work -- Vocabulary -- Part 1: Theory and application*. Vienna : INFOTERM
- ISO 704:987 *Principles and methods of terminology*. Vienna: INFOTERM
- Mohd Effindi Samsuddin. 2012. *Teater Melayu Makyung : Kajian kreativiti koreografi*. Tesis Phd. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Melayu.
- Picht, H. & J. Draskau. 1985. *Terminology: An Introduction*. University of Surrey.
- Rosdeen Suboh. 2005. *Peran Makyung : Pelakon dan watak*. Tesis sarjana. Pusat Kebudayaan, Universiti Melayu.
- Sulaiman Masri. 1992. *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

